



# KUIM

**BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK  
DAN ANTARABANGSA**  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU  
78200 MELAKA  
Tel : 06-387 8420 / 6196 Fak : 06-387 8368

Ruj.Kami :KUIM/AKA/PEP/23

Tarikh : 20 Julai 2020  
: 28 Zulkaedah 1441

<b>TAJUK</b>	<b>PERINGATAN PENDAFTARAN KURSUS SESI I 2020/2021</b>
<b>KEPADA</b>	Semua mahasiswa/i KUIM
<b>DARIPADA</b>	Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
<b>SALINAN KEPADA</b>	YBhg. Datuk Prof. Dr. Naib Canselor Bendahari Semua Dekan Semua Staf Akademik

Mahasiswa/i,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pendaftaran kursus perlu dibuat selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu ke 2 sesi perkuliahan. Sekiranya gagal mendaftar kursus pada tempoh tersebut, mahasiswa/i akan dikenakan caj denda sebagaimana yang dinyatakan di dalam buku Kaedah – kaedah Hal Ehwal Akademik 1994 (pindaan 2019).

3. Sehubungan itu, mahasiswa/i adalah diingatkan untuk mendaftar kursus dengan segera dan menjelaskan semua yuran pengajian atau tunggakan selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh peperiksaan akhir bermula. Kegagalan mendaftar kursus seperti tempoh yang ditetapkan, mahasiswa/i boleh dihalang daripada mengikuti kuliah, dan tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir semester.

Sekian sahaja untuk perhatian mahasiswa/i. Segala kerjasama amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"**

Saya yang menjalankan amanah,

(NOOR JEFFERI BIN ABDUL WAHAB)

